

## Integriti Dana Politik JKNMPP Syor Akta Spesifik

SELARAS dengan mandat 12 bulan yang diberikan, Jawatankuasa Konsultatif Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (JKNMPP), pada 30 September lalu, membentangkan laporan yang mengandungi satu ser 32 cadangan. Rata-rata saranan yang dibuat oleh panel itu diterima oleh sebahagian besar rakyat di negara ini.

G. MANIMARAN

20



Meskipun pada dasarnya ada pihak pembangkang yang menolak saranan JKNMPP, boleh dikatakan bahawa tidak semuanya ditolak. Sebahagian besar daripadanya disambut baik oleh mereka. Ada juga yang menerimanya dengan bersyarat.

Pada setiap kali pilihan raya, negara akan berhadapan dengan isu keperluan sistem pembiayaan politik. Hal ini merupakan pertama kali saranan yang agak konkrit diketengahkan oleh panel yang dibentuk oleh kerajaan pusat sendiri. Sebelum ini, kita hanya menyaksikan pandangan daripada pihak tertentu, sama ada ahli akademik, penganalisis politik, ataupun

pertubuhan sivil yang membangkitkan isu pembiayaan politik.

Yang paling jelas, banyak pihak menuntut agar kita mempunyai satu panduan yang boleh dijadikan asas untuk negara bergerak ke hadapan. Seperti yang disebut oleh Pengerusi JKNMPP, Senator Datuk Paul Low Seng Kuan, sebelum ini negara tidak mempunyai satu undang-undang berkaitan dengan pembiayaan politik.

"Dalam hal ini, kita tidak mempunyai peraturan yang jelas bagi pembiayaan politik. Kita perlu ada peraturan tersebut kerana selama ini kita melihat terdapat peningkatan penyelewengan kewangan dalam politik,

Tadbir urus yang baik tidak akan dapat dicapai jika kita tidak mempunyai integriti dalam berpolitik," kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri itu yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus dan integriti.

Tambah beliau, kita perlu mewujudkan peraturan bagi pembiayaan politik dan semua pihak perlu menerima dasar ini. Cadangan yang disyorkan oleh JKNMPP secara tidak langsung menjelaskan bahawa parti dan ahli politik harus dibenarkan untuk menghabiskan sejumlah wang yang dikehendaki mereka untuk berkempen.

Maka JKNMPP menggariskan sebanyak 32 cadangan dan "ibu" cadangan tersebut ialah Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik. Cadangan tersebut akan dibawa kepada kabinet (menjelang pertengahan bulan Oktober) dan sekiranya kabinet menerima cadangan JKNMPP, maka cadangan tersebut akan dibawa ke parlimen untuk dibahaskan dan diluluskan.

Berdasarkan pendirian Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Barisan Nasional (BN) dan UMNO secara prinsipnya menyokong cadangan pengenalan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik untuk menambahkan soal integriti dan pembiayaan politik. Sebaliknya Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Rafizi Ramli, mendakwa bahawa cadangan itu hanya untuk menutup masalah integriti yang melanda negara pada hari ini.

Sehingga makalah ini disiapkan, laporan yang disediakan oleh JKNMPP masih pada peringkat cadangan. Masa hadapan pelaksanaannya bergantung pada keputusan kabinet, sama ada akan menerima atau menolak cadangan tersebut. Begitu pun, berdasarkan komitmen perdana menteri pada hari yang sama JKNMPP mengumumkan



JKNMPP mencadangkan parti dan ahli politik dibenarkan menghabiskan sejumlah wang untuk berkempen dalam pilihan raya.

**Kita perlu bergerak dari satu titik ke titik yang lain demi masa hadapan generasi akan datang. Walaupun JKNMPP berupaya menyarankan pelbagai peraturan, penambahbaikan yang sebenar hanya akan datang apabila wujudnya perubahan sikap dan budaya integriti dalam kalangan pelbagai pihak yang terlibat. Tugas JKNMPP hanya akan ternoktah dengan penyediaan laporan yang dimuktamadkan.**

laporannya, peluang laporan JKNMPP untuk diterima dilihat agak cerah. Oleh itu, negara berkemungkinan akan mempunyai satu undang-undang yang khusus tentang pembiayaan politik.

Bagi membolehkan pelaksanaannya menjadi kenyataan, kabinet dipercayai akan membentuk jawatankuasa teknikal atau kerja bagi mengkaji segala pandangan yang dikemukakan oleh JKNMPP. Pada peringkat itu, akan ada penambahbaikan terhadap cadangan yang disenaraikan, termasuk menyenaraikan penalti sekiranya terdapat pihak yang melanggar undang-undang yang akan diperkenalkan.

Dalam hal ini, timbul cadangan awal bahawa lebih baik jika barisan pembangkang diberi peluang menduduki jawatankuasa teknikal atau kerja yang akan dibentuk. Langkah itu penting bagi mengelakkan dakwaan atau tanggapan bahawa segala usaha yang diambil bertujuan menjaga kepentingan kerajaan.

Cadangan ke-32 laporan JKNMPP menjelaskan bahawa perlu ada komitmen yang mendalam dan jelas untuk memupuk integriti dalam sistem pembiayaan politik. Isu tentang soal budaya berintegriti dalam pembiayaan politik sudah lama berlarutan. Oleh itu, wajar bagi semua pihak atau ahli politik melakukan pengorbanan bagi merealisasikan usaha menggubal sistem pembiayaan politik yang berintegriti.

Kita perlu bergerak dari satu titik ke titik yang lain demi masa hadapan generasi akan datang. Walaupun JKNMPP berupaya menyarankan pelbagai peraturan, penambahbaikan yang sebenar hanya akan datang apabila wujudnya perubahan sikap dan budaya integriti dalam kalangan pelbagai pihak yang terlibat. Tugas JKNMPP hanya akan ternoktah dengan penyediaan laporan yang dimuktamadkan. Namun begitu, perjalanan ke arah sistem pembiayaan politik yang lengkap perlu diteruskan dari semasa ke semasa.

Datuk Paul Low menyifatkan bahawa usaha merealisasikan penggubalan Akta Sumbangan dan Perbelanjaan Politik akan menjadi cabaran paling besar: "Cabaran paling besar adalah untuk memastikan akta berkenaan diluluskan. Sebagai menteri dan pengerusi jawatankuasa, saya bertanggungjawab untuk memastikan perkara ini dapat dilaksanakan," ujar beliau.

21